

D664

B. B337 DEB
UMNO - MAHATHIR

MASJID TANAH, 15 MAC (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MENINGATKAN ANGGOTA-ANGGOTA UMNO YANG BERTANDING MEREKUT JAWATAN-JAWATAN UTAMA DALAM PARTI JANGAN MENJADIKAN DEMOKRASI SEMATA-MATA SEBAGAI ALASAN UNTUK BERTANDING.

KATANYA, WALAUPUN MENGIKUT SISTEM DEMOKRASI, SESIAPA SAHAJA BEBAS BERTANDING MEREKUT APA-APA JAWATAN TETAPI MEREKA BERKENAAN SEPATUTNYA MENGELAKKAN DARIPADA BERTANDING JIKA MENYEDARI PERTANDINGAN ITU MEMBAWA KEBURUKAN KEPADA PARTI.

SEMASA MERASMIKAN PERSIDANGAN PERWAKILAN UMNO BAHAGIAN ALOR GAJAH, DI SINI HARI INI, BELIAU, YANG JUGA PRESIDEN UMNO, BERKATA ANGGOTA PARTI HENDAKLAH MENGUTAMAKAN KEPENTINGAN PARTI, NEGARA, AGAMA DAN BANGSA KETIKA MEMIKIRKAN UNTUK BERTANDING.

+TIADA PERTANDINGAN BUKANLAH BERERTI TIADA DEMOKRASI TETAPI APALAH GUNANYA BERTANDING JIKA MENYEDARI HAKIKAT BAHAWA PERTANDINGAN ITU BOLEH MENDATANGKAN KEBURUKAN KEPADA PARTI,+ KATA BELIAU

+JANGANLAH HENDAKNYA KERANA BERCITA-CITA BESAR, KITA MEMBUAT KEPUTUSAN UNTUK BERTANDING,+ TEGAS BELIAU. -- LAGI
1638MST 15 03 87

D665

B. B340 DEB
UMNO - MAHATHIR 2 MASJID TANAH

MENGENAI PERTANDINGAN PADA PERHIMPUNAN AGUNG UMNO APRIL INI, BELIAU BERKATA ANGGOTA PARTI HENDAKLAH MENGANGGAPNYA SEBAGAI +PERTANDINGAN PERSAHABATAN+ DAN BUKANNYA PERLAWANAN DENGAN +MUSUH+.

PERDANA MENTERI MENEGASKAN ANGGOTA-ANGGOTA PARTI TIDAK SEHARUSNYA MENYAMAKAN KEMPEN PEMILIHAN PARTI DENGAN KEMPEN PILIHAN RAYA.

+KATA-KATA KERAS SERING DIKELUARKAN SEMASA KEMPEN PILIHAN RAYA UNTUK MEMBURUK-BURUKKAN PARTI LAWAN, KALAU LAH BEGITU, SUSAH LAH UNTUK BERBAIK SEMULA SELEPAS ITU. PERMUSUHAN BERLARUTAN PADA SETIAP PILIHAN RAYA,+ KATANYA.

BELIAU LALU MENINGATKAN MEREKA YANG BERTANDING SUPAYA TIDAK MENGELUARKAN KATA-KATA KESAT ANTARA SATU SAMA LAIN KERANA INI AKAN MEMBAWA KEBURUKAN KEPADA UMNO SENDIRI TERUTAMA SEMASA PILIHAN RAYA.

MENURUT DATUK SERI DR MAHATHIR, TIADA SIAPA PUN YANG BOLEH MENGAKU BAHAWA UMNO MILIKNYA SEDANGKAN HAKIKATNYA PARTI ITU MILIK SELURUH ANGGOTA.

-- LAGI
1640MST 15 03 87

D666

B B341 DEB
UMNO - MAHATHIR 3 MASJID TANAH

PERDANA MENTERI BERKATA JIKA BELIAU BERKEMPEN, MAKA KEMPEN ITU UNTUK KEPENTINGAN PARTI DAN BUKAN UNTUK MENJADI PRESIDEN KERANA UMNOLAH YANG MENENTUKAN MASA DEPAN ORANG MELAYU DAN SEMUA RAKYAT.

PRESIDEN UMNO ITU MENEGASKAN AKAN PENTINGNYA SEMUA ANGGOTA UMNO MENYOKONG PEMIMPIN MEREKA TANPA MENGIRA PERINGKAT ATAU SIAPAKAH PEMIMPIN BERKENAAN.

+SEMASA DATUK (TUN) HUSSEIN ONN MENJADI PERDANA MENTERI, BANYAK TINDAKANNYA YANG SAYA SENDIRI TIDAK SETUJU TETAPI SAYA TIDAK MENYATAKAN KEPADA UMUM KERANA TANGGUNGJAWAB SAYA IALAH MEMASTIKAN BELIAU MENDAPAT SOKONGAN 100 PERATUS DARIPADA ANGGOTA PARTI,+ KATANYA.

MENURUT DATUK SERI DR MAHATHIR, SOKONGAN YANG DIBERIKAN BUKANLAH KERANA PEMIMPINNYA TUN HUSSEIN TETAPI KERANA UMNO.

BELIAU MENYINGKAP KEMBALI BAGAIMANA ALLAHYARHAM TUN ABDUL RAZAK SEMASA MENJADI TIMBALAN PERDANA MENTERI TIDAK MENYETUJUI BEBERAPA TINDAKAN BEKAS PERDANA MENTERI, TUNKU ABDUL RAHMAN, TETAPI TUN RAZAK JUGA TIDAK MENYATAKANNYA SECARA UMUM, -- LAGI

1642MST 15 03 87

D667

B B342 DEB
UMNO - MAHATHIR 4 MASJID TANAH

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENDEDAHKAN TINDAKAN SESETENGAH PEMIMPIN PARTI YANG +MENGIKAT+ PENYOKONG-PENYOKONGNYA DENGAN RASA KEBENCIAN KEPADA LAWANNYA.

BELIAU KESAL AKAN SIKAP MEREKA YANG BERMASAM MUKA SESAMA SENDIRI DAN ENGGAN UNTUK BERSALAM.

+KALAU PUN TIDAK BERSETUJU, MAKA LEBIH BAIKLAH DISELEBAIKAN SECARA PERPADUAN KERANA KEBENCIAN AKAN MENCORAKKAN PANDANGAN KITA SEHINGGA KITA TIDAK MAMPU Mencari apa-apa kebaikan sedangkan TUHAN MENJADIKAN SETIAP MANUBIA DENGAN KEBAIKAN DAN KEBURUKAN,+ KATA BELIAU. -- BERNAMA

1643MST 15 03 87